

10 APR 1997

Law-Alam Sekitar

TIADA KEPUTUSAN MENGENAI HUKUMAN PENJARA MANDATORI TERHADAP PENCEMAR

KUALA LUMPUR, 10 April (Bernama) -- Kerajaan belum membuat sebarang keputusan untuk mengenakan hukuman penjara mandatori terhadap ketua-ketua syarikat jika syarikat itu didapati mencemarkan alam sekitar, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding hari ini.

"Apa yang ingin dilakukan oleh kerajaan ialah meminta mahkamah mengenakan hukuman penjara terhadap pesalah yang merosakkan alam sekitar secara serius seperti yang termaktub dalam undang-undang sedia ada," katanya kepada Bernama ketika dihubungi di rumahnya di sini petang ini.

Beliau menjelaskan laporan akhbar hari ini yang memetiknyanya sebagai berkata bahawa ketua pegawai eksekutif atau presiden sesebuah syarikat boleh dikenakan hukuman penjara mandatori jika syarikatnya didapati bersalah melanggar peraturan alam sekitar ketika pembukaan tanah.

Law berkata mengikut Akta Kualiti Alam Sekitar, pesalah serius boleh didenda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan lima tahun atau kedua-duanya, tetapi sehingga ini tiada sesiapa yang dipenjarakan walaupun kementerian berkenaan telah membawa banyak kes ke mahkamah.

Beliau berkata oleh kerana mahkamah setakat ini hanya mengenakan hukuman denda terhadap pesalah alam sekitar walaupun mereka boleh mengenakan hukuman penjara, tindakan kerajaan terhadap pencemar alam sekitar tidak berkesan.

"Hukuman denda semata-mata tidak dapat mencegah kerana syarikat-syarikat itu mampu membayar sebanyak mana jumlah denda itu. Oleh sebab itu Kabinet pada mesyuaratnya semalam memutuskan bahawa mulai sekarang kerajaan akan hanya memohon supaya pesalah dikenakan hukuman penjara," katanya.

"Kabinet telah membincangkan kemungkinan mengenakan hukuman penjara mandatori dalam undang-undang itu tetapi tiada keputusan dibuat. Laporan akhbar yang memetik saya sebagai berkata bahawa ketua-ketua syarikat yang mencemar alam sekitar akan dikenakan hukuman penjara mandatori tidak lama lagi adalah tidak tepat," katanya.

"Mahkamah kini mempunyai budi bicara untuk mengenakan hukuman sama ada denda atau penjara. Kita mahu mahkamah mengenakan hukuman penjara terhadap pesalah sebagai satu pencegahan, jika tidak tiada sesiapa yang akan memandang serius usaha kerajaan terutama berhubung pemusnahan alam sekitar," katanya.

Ketika ditanya mengenai jenis-jenis kerosakan alam sekitar yang wajar dikenakan hukuman penjara, beliau berkata ia akan membabitkan pembangunan di kawasan-kawasan "sensitif" seperti Cameron Highlands, lereng bukit dan kerja-kerja tanah yang tidak dikawal sehingga menyebabkan mendapan dan banjir.

"Kerajaan serius. Para pemaju perlu berhati-hati dari sekarang, kita tidak akan melayan sesiapa yang melanggar undang-undang alam sekitar kononnya demi pembangunan," katanya.

Law mengesahkan bahawa Kabinet pada mesyuaratnya semalam juga memutuskan bahawa tindakan akan diambil terhadap pegawai kerajaan Persekutuan atau negeri yang didapati cuai dalam menguatkuasakan undang-undang terbabit sehingga mengakibatkan kerosakan teruk kepada alam sekitar.

Kerajaan, katanya, bukan anti pembangunan tetapi ia perlu memastikan pembangunan berterusan bagi faedah generasi akan datang.

"Pembangunan dan alam sekitar harus seiringan. Ini adalah prinsip asas

pembangunan berterusan, jika tidak generasi akan datang akan menanggung akibatnya," katanya.

Beliau memberi contoh kualiti udara di Kuala Lumpur.

"Kualiti udara di Kuala Lumpur tidak begitu baik. Ini bukan sahaja boleh menjejaskan industri pelancongan tetapi para pelabur mungkin tidak mahu datang. Siapa yang hendak datang jika kualiti udaranya tidak baik dan jika banjir kerap berlaku," katanya.

Law juga berkata kementerian akan mendakwa pemaju sebuah projek perumahan di Bukit Antarabangsa di Ulu Klang dekat sini kerana tidak mematuhi undang-undang Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Projek Ikatan Rapi Sdn Bhd, pemaju projek seluas 130 hektar, telah diarah menghentikan kerja selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapati kerosakan di lereng bukit ketika melalui kawasan itu dengan menaiki helikopter.

Sementara itu, Penasihat Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia Gurmit Singh berkata langkah untuk mengenakan hukuman penjara mandatori bagi ketua pegawai eksekutif syarikat kerana melanggar undang-undang alam sekitar "adalah sesuatu yang baik".

Bagaimanapun, katanya, langkah itu juga merupakan satu tamparan kepada badan kehakiman kerana ia akan menggambarkan bahawa mahkamah tidak sensitif terhadap isu-isu alam sekitar.

Pengarah Eksekutif Dana Sedunia Untuk Alam Semulajadi (WWF) Malaysia Datuk Dr Mikaaail Kavanagh Abdullah berkata hukuman itu harus setimpal dengan jenayah itu. -- BERNAMA

AU RAZ WE AKD